



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
JABATAN KEBUDAYAAN
DAN KESENIAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 31/2022

“ALERT”:. JKKN terus menyemarakkan seni tari melalui Festival Tari Malaysia dan Kejuaraan Tari Kanak-Kanak Malaysia Peringkat Kebangsaan 2022 dengan penglibatan hampir 300 peserta di seluruh Malaysia.

JKKN ANJUR PERTANDINGAN TARIAN UNTUK PENGGIAT SENI & KANAK-KANAK

KUALA LUMPUR, 17 Disember 2022 - Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan kerjasama Istana Budaya mengadakan Festival Tari Malaysia & Kejuaraan Tari Kanak-kanak Malaysia Peringkat Kebangsaan 2022 pukul 8.30 malam bertempat di Istana Budaya Kuala Lumpur. Persembahan yang berlangsung pada 17 & 18 Disember 2022 mengumpulkan seramai 300 orang peserta yang berbakat dalam seni tari.

Festival Tari Malaysia merupakan kesinambungan Festival Tari Malaysia Peringkat Negeri dan sebanyak 8 kumpulan terbaik mewakili negeri dan zon telah berjaya ke Festival Tari Malaysia dengan mempertandingkan 2 ketegori tarian iaitu Kategori Tarian Etnik Kreatif dan Kategori Tarian Rampaian Tradisional Malaysia. Program ini bertujuan bagi memberi peluang kepada koreografer dan penari mempelajari, berkarya dan mempamerkan persembahan berkualiti dan bermutu tinggi serta meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab untuk memelihara dan memperkembangkan warisan budaya bangsa. Berkonsepkan pertandingan, Johan akan membawa pulang wang tunai sebanyak RM15,000.00, Naib Johan RM10,000.00 dan Tempat Ketiga RM8,000.00, Koreografer Terbaik dan Busana Terbaik bagi kedua-dua ketegori

akan membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,000.00. Pemenang turut membawa pulang piala dan sijil penyertaan.

Program Kejuaraan Tari Kanak-Kanak Malaysia Peringkat Kebangsaan 2022 merupakan satu program pencungkilan bakat kecemerlangan pelajar dalam bidang tari dibawah seliaan JKKN Negeri. Sebanyak 8 buah Kumpulan Bimbingan Seni Cemerlang (KBSC) terbaik mewakili negeri yang melibatkan seramai 120 orang peserta telah dinilai sepanjang Kejuaraan Tari Kanak-kanak Malaysia (KTKKM) peringkat negeri. 8 negeri yang berjaya ke peringkat kebangsaan ialah Perlis, Pulau Pinang, Perak, Melaka, Pahang, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Program ini bertujuan bagi mengenalpasti kumpulan, peserta dan jurulatih dikalangan Artis Budaya JKKN Negeri dan Jurulatih Seni Budaya Negara (JSBN) yang cemerlang dan melahirkan generasi pelapis dalam bidang seni tari. Disamping itu, program ini bertujuan untuk menghasilkan modul Kreasi Baru bagi tujuan pembelajaran pelajar-pelajar sekolah dan KBSC. Juara akan membawa pulang wang tunai sebanyak RM4,000.00, Naib Juara RM3,000.00 dan tempat ketiga RM2,000.00. Program ini juga turut mempertandingkan empat (4) anugerah iaitu Anugerah Khas Juri, Anugerah Kostum Terbaik, Anugerah Susunan Muzik Terbaik dan Anugerah Koreografer Terbaik masing-masing akan membawa pulang wang tunai RM500.00.

Penonton yang hadir bukan sahaja dipersembahkan dengan kepelbagaian seni tari, tetapi turut dihiburkan oleh artis popular Malaysia Bob Yusof dan Erni Zakri serta gandingan pengacara hebat Izzue Islam dan Fiza Saad.

“JKKN terus komited dalam memelihara warisan budaya bangsa dalam pelbagai cabang seni terutamanya seni tari. Selain itu juga, ia dapat mendidik masyarakat masa kini untuk lebih menghargai dan mencintai seni budaya negara melalui penganjuran festival sebegini,”. kata Tuan Haji Mesran bin Mohd Yusop, Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari media sosial JKKN melalui pautan www.facebook.com/mysenibudaya.

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my **E-mel:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Mazidah binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN mazidah@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Eldawati binti Laung Pegawai Kebudayaan Unit Komunikasi Korporat, JKKN eldawati@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 019-8091805
--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

LAMPIRAN 1

SENARAI KUMPULAN FESTIVAL TARI MALAYSIA 2022

BIL	NAMA KUMPULAN
1	Dansa Fusion, Kuala Lumpur, WPKL
2	Satinka Tari, Zon Pantai Timur
3	Kelab Tarian Aadyamaatra Artisukma (UKM), Zon Selatan
4	Gabungan Budaya Darul Ta'zim, Johor
5	Nyala Dance Theatre, WPKL
6	Pratama Legacy, Sabah
7	Serindit Merah, Perak
8	Akar Seni Malaysia, Zon Pantai Timur

LAMPIRAN 2

**SENARAI KUMPULAN PROGRAM KEJUARAAN TARI KANAK-KANAK
MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2022**

BIL	NAMA KUMPULAN	TAJUK PERSEMBAHAN	KOREOGRAFER
1.	Kumpulan Bimbingan Seni Cemerlang (KBSC) Perlis	Joget Inang Toramau	Pn. Noor Hanan Binti Hassan
2.	Kumpulan Bimbingan Seni Cemerlang (KBSC) Pulau Pinang	Riang Ria Galah Panjang	En. Edy Zalmi Bin Nadzeri
3.	Kumpulan Bimbingan Seni Cemerlang (KBSC) Perak	Khazanah	Pn. Roslin Bt Mohd Radzi
4.	Kumpulan Bimbingan Seni Cemerlang (KBSC) Melaka	Joget Kereta Tolak	En. Wan Kamrulzaman Bin Mohd Saidi
5.	Kumpulan Bimbingan Seni Cemerlang (KBSC) Pahang	Indik Bertingkah	En. Syukri Bin Abdul Razak
6.	Kumpulan Bimbingan Seni Cemerlang (KBSC) Kelantan	Petarung (Ikan Laga)	En. Long Ahmad Suhairi Bin Long Din
7.	Kumpulan Bimbingan Seni Cemerlang (KBSC) Sabah	'Sumiling Do Kang Kang Kaput'	En. Zakaria Md Daud
8.	Kumpulan Bimbingan Seni Cemerlang (KBSC) Sarawak	Seraong	Pn. Soffina Bt Ahmad